



KEJOHANAN MERENTAS DESA PERINGKAT MSSD HULU SELANGOR TAHUN 2025

MAKLUMAN KEJOHANAN

1. Pendaftaran bermula seawal pukul 7.30 pagi.
2. Dokumen yang perlu dihantar semasa pendaftaran adalah borang pendaftaran (*dicetak daripada sistem*), slip asal bukti pembayaran (*tampal di atas kertas A4 dan disahkan oleh pentadbir*) dan salinan kad pengenalan (*sekolah menengah*) atau sijil kelahiran (*sekolah rendah*) peserta.
3. Borang kebenaran peserta dan borang perakuan kesihatan peserta adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.
4. **Panggilan peserta untuk melapor diri akan dimulakan pada pukul 8.10 pagi tepat mengikut kategori dan pelepasan peserta akan bermula pada pukul 8.40 pagi tepat mengikut kategori.**
5. **Mohon rancang perjalanan dan tepati masa.**
6. **Panggilan hanya akan dilakukan dua kali sahaja bagi setiap kategori.**
7. **Peserta tidak akan dibenarkan berlari selepas pelepasan dimulakan.**
8. Peserta diwajibkan memakai sepasang bib larian (*depan & belakang*).
9. Rujuk nombor peserta, warna bib dan format bib di dalam sistem.
10. Pastikan kertas bib larian dimasukkan ke dalam plastik jernih dan dipinkan pada bahagian tengah badan peserta dengan kemas di keempat-empat penjuru bib.
11. Pastikan juga bib larian jelas kelihatan dan tidak terlindung oleh pakaian.
12. **Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah akan diadakan di Dewan Kem Bina Semangat pada pukul 10.30 pagi.**
13. **Mohon guru pengiring peka dengan keputusan tidak rasmi kejohanan yang akan ditampal di papan kenyataan bersebelahan khemah penamat dan menguruskan pergerakan pemenang untuk majlis penyampaian hadiah.**
14. Semua guru dibenarkan menyokong peserta tanpa mengganggu larian peserta dan laluan trek kejohanan.
15. Sekiranya terdapat guru yang mengganggu larian peserta, memberikan bantuan larian kepada peserta dan mengganggu pegawai kejohanan daripada menjalankan tugas, pihak pengelola boleh membatalkan penyertaan peserta daripada sekolah yang terlibat.
16. Mohon peka terhadap keselamatan dan kesihatan peserta.
17. Mohon jaga kebersihan kawasan Taman Tasik Milenium.

ETIKA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH

1. **Pemenang perlu memakai T shirt (*berkolar atau round neck*), berseluar trek dan berkasut sukan.**
2. **Pemenang yang memakai *running vest*, *running tights*, seluar pendek, selipar atau lain-lain pakaian yang kurang bersesuaian, tidak dibenarkan menaiki podium untuk mengambil hadiah.**
3. Guru pengiring dibenarkan merakam gambar kenangan tanpa mengganggu perjalanan majlis.
4. Setelah tamat Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah, pemenang tempat pertama sehingga tempat kesepuluh bagi setiap kategori akan diberi taklimat berkenaan latihan pusat dan Kejohanan MSS Selangor.
5. Sekiranya pemenang tidak melapor diri semasa taklimat, Pengerusi Teknik akan beranggapan bahawa pemenang tidak berminat untuk mewakili daerah ke Kejohanan MSS Selangor dan slot itu akan diberikan kepada pemenang yang seterusnya.

**GOPINATH A/L KUMARASAMY
PENGURUSI TEKNIK PEMBANGUNAN SUKAN MERENTAS DESA
MSSD HULU SELANGOR**